

## **AGENDA KATS 2020**

### **PENGURUSAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

### **UNTUK KEMAKMURAN BERSAMA**

Berpaksikan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) akan terus menyusun atur dasar, strategi dan tindakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampan melalui penekanan kepada pengukuhan pengurusan air, tanah dan sumber asli secara lestari. Inisiatif untuk tahun 2020 akan dilaksanakan secara terangkum dan memberi impak yang boleh dirasai oleh semua lapisan masyarakat.

Sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi, usaha-usaha pemantapan pengurusan sumber asli adalah kritikal sebagai satu bentuk mitigasi kepada perubahan iklim dan bencana alam. Tumpuan kepada aspek-aspek pembangunan mekanisme penjanaan kewangan inovatif berterusan (*innovative sustainable financing*) bagi pengurangan pelepasan gas rumah kaca daripada aktiviti perhutanan akan diberikan perhatian pada tahun 2020.

Pada masa yang sama, KATS akan mengambil langkah lebih agresif bagi mengkaji dasar-dasar sedia ada supaya kekal relevan di samping menggubal dasar-dasar baharu. Inisiatif nasional seperti *Central Forest Spine* (CFS) dan *Heart of Borneo* (HOB) akan diteruskan pada tahun 2020 di samping mempertingkatkan aktiviti-aktiviti memulihara hutan terosot yang lain. KATS juga akan memberi tumpuan kepada program penghutanan semula (*reforestation*) dan satu kempen besar-besaran penanaman 100 juta pokok bagi tempoh 2020 hingga 2025 akan dilancarkan sempena Hari Hutan Antarabangsa 2020. Secara keseluruhannya, inisiatif berkaitan pemuliharaan hutan telah diperuntukkan sebanyak RM48 juta pada tahun 2020.

Pada tahun 2020 juga, KATS akan merealisasikan penubuhan secara formal Pusat Biodiversiti Malaysia (Malaysia Biodiversity Centre - MBC) yang berperanan sebagai pusat penyelidikan dan pemuliharaan biodiversiti serta bertindak sebagai Pihak Berkuasa Kompeten Kebangsaan bagi menguatkuasakan Akta Akses Kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017. MBC juga akan menerajui pelaksanaan inisiatif *Reducing Emission from Deforestation and Forest Degradation* (REDD Plus) serta bersama-sama menubuhkan Muzium Alam Semula Jadi (*Natural History Museum* - NHM) iaitu sebuah pusat kecemerlangan bagi meningkatkan pengurusan saintifik dan mempamerkan (*showcase*) kekayaan fauna dan flora Malaysia.

Dalam aspek perundangan, tujuh (7) akta di bawah sektor air, tanah dan sumber asli yang akan dipinda dan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2020. Ini termasuk pindaan kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang antara lain bertujuan untuk menangani cabaran semasa dalam sektor air dengan mewujudkan persekitaran kawal

selia yang lebih menarik kepada penyertaan pihak swasta serta hukuman yang lebih berat kepada pencemar sumber air. Pindaan kepada Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993) melibatkan syarat penggantian serentak Kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) yang diwartakan keluar yang setara luas dan nilainya serta meningkatkan kadar denda dan penalti bagi jenayah kesalahan hutan. Pindaan kepada Akta Pemuliharaan Hidupan liar 2010 pula melibatkan antara lainnya pelaksanaan *Wildlife Impact Assessment* (WIA) serta peningkatan kadar denda dan penjara bagi kesalahan berkaitan hidupan liar.

KATS juga akan memperkenalkan beberapa dasar baharu pada tahun 2020 seperti Dasar Perhutanan Malaysia, Blueprint Pembangunan Mampan Industri Mineral, Dasar Pengurusan Tanah Persekutuan dan Dasar Geospatial Negara. Dasar Perhutanan Malaysia adalah suatu dasar yang signifikan di mana dasar perhutanan peringkat nasional adalah satu pernyataan dasar secara makro dan umum tetapi dasar-dasar dan perundangan sedia ada untuk Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan kekal diguna pakai dan berkuat kuasa. Ini bagi membolehkan dasar umum ini digunakan oleh Malaysia di peringkat antarabangsa.

Tahun 2020 juga akan menyaksikan penglibatan KATS secara lebih aktif di peringkat global dalam meningkatkan agenda konservasi biodiversiti. Antaranya ialah *The 15th Meeting of the Conference of the Parties to the Convention on Biological Diversity* (COP15) yang akan diadakan di Kunming, Republik Rakyat China untuk membincangkan hala tuju Post-2020 *Global Biodiversity Framework* bagi tempoh 2021 hingga 2030 dan *The 15th Session of the United Nations Forum on Forest* (UNFF15).

Di peringkat domestik, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada beberapa acara utama antaranya Persidangan Biodiversiti ASEAN 2020 (ACB2020) pada 16-18 Mac 2020 dan disusuli dengan *High Level Meeting* (HLM) di antara Menteri-Menteri ASEAN dan juga Negara-Negara Megadiverse pada 19-20 Mac 2020. Malaysia juga akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran *4th Asia Tiger Ministerial Conference on Tiger Conservation* (AMC 2020) pada 29 Jun 2020.

Gerakan memperkuuhkan inisiatif perlindungan hidupan liar terancam dari kepupusan akan terus menjadi teras utama KATS pada tahun 2020. Kerjasama strategik di bawah Operasi Bersepadu Khazanah bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang dimulakan pada tahun 2019 ternyata amat berjaya dan berkesan di mana sebanyak 18 kes tangkapan melibatkan 47 pesalah telah berjaya dicapai setakat ini. Operasi ini akan diteruskan pada tahun 2020 secara besar-besaran bagi mencapai sasaran *Zero Poaching* dalam jangka masa panjang dan sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Kempen spesifik seperti ‘Kempen Selamatkan Harimau Malaya’ akan terus dilaksanakan dengan bantuan dan kerjasama strategik badan korporat dan rakan-rakan pertubuhan bukan kerajaan

(NGO). Sebanyak RM15 juta telah disediakan pada tahun 2020 bagi aktiviti konservasi hidupan liar termasuk Harimau Malaya dan Orangutan.

Peranan badan korporat dan NGO sebagai rakan strategik dalam kempen dan pelaksanaan inisiatif konservasi hidupan liar ini akan terus diiktiraf dan dihargai. Ia juga disokong oleh pakar-pakar yang dilantik di bawah *National Biodiversity Roundtable* (NBR) yang akan memberi nasihat berkaitan polisi dan inisiatif berkaitan pembangunan dan pemuliharaan biodiversiti negara. Pada tahun 2020 ini juga, sumber tenaga kerja baharu dalam aktiviti penguatkuasaan terdiri daripada individu orang asli dan pesara tentera akan mula digerakkan bagi membantu Jabatan PERHILITAN. Sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan untuk melantik renjer dalam kalangan orang asli dan pesara tentera secara *contract for service*.

KATS akan terus melaksanakan inisiatif kawalan eksplorasi sumber asli termasuk sektor mineral bagi menjamin ia dilakukan secara mampan. *Standard Operating Procedure* (SOP) bagi perlombongan bauksit akan juga diguna pakai di negeri-negeri lain seperti Johor dan Terengganu pada tahun 2020. Pada masa yang sama, eksplorasi sumber mineral strategik akan diperkuuhkan melalui pembangunan Blueprint Pembangunan Mampan Industri Mineral termasuk merasionalisasikan struktur governans dan menggubal polisi berkaitan yang akan menyokong kepada pembangunan keseluruhan rantai nilai industri ini. Satu Akta Lembaga Pembangunan Mineral Malaysia akan digubal bagi menerajui dan mengawal selia pembangunan industri mineral secara lestari yang akan menjana sumber pendapatan ekonomi baharu negara pada masa depan.

Di bawah sektor air dan pembetungan, strategi KATS bagi tahun 2020 adalah bagi mentransformasikan sektor ini selaras dengan WKB 2030 serta menyokong *Sustainable Development Goals* (SDGs) untuk mencapai kesejahteraan sosial, kelestarian alam sekitar dan kemakmuran ekonomi secara inklusif (*leave no one behind*). Antara objektif dalam Transformasi Sektor Air adalah *water security*, *water as economic opportunity* dan usaha mengarusperdanakan air dalam pembangunan ekonomi negara. Pembolehdaya (enablers) bagi transformasi ini terdiri daripada pengukuhan tadbir urus, pemantapan *data-driven-decision-making*, pengukuhan keupayaan kewangan serta pembangunan infrastruktur air yang mampan. Fokus juga akan diberikan kepada penerokaan air bawah tanah sebagai sumber air alternatif dalam menyokong keperluan bekalan air negara dalam jangka masa panjang.

Justeru, KATS juga berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah memperuntukkan jumlah bajet yang tinggi iaitu sebanyak RM3.04 bilion bagi pembangunan projek di bawah sektor air dan pembetungan untuk tahun 2020 melibatkan 172 projek. Daripada jumlah tersebut, RM443.9 juta telah diluluskan untuk Rancangan Tebatan Banjir (RTB) dan RM150 juta untuk menyelenggarakan pengurusan kolam takungan banjir. Sebanyak RM820 juta pula diperuntukkan bagi Rancangan Bekalan Air Negeri-Negeri, manakala RM365 juta bagi pelaksanaan Program Non-Revenue Water (NRW)

Nasional dengan sasaran 33% pada tahun 2020. Di samping itu, sebanyak RM1.2 bilion telah diperuntukkan bagi pelaksanaan pelbagai projek pembetungan negara.

KATS juga akan menentukan hala tuju baharu pembangunan industri perkhidmatan pembetungan termasuk pembiayaan perbelanjaan modal (capital expenditure - CAPEX) melalui pendekatan *land swap/Private Financing Initiatives* (PFI). Indah Water Konsortium (IWK) akan memperkenalkan model baharu perniagaan melalui struktur baharu industri perkhidmatan pembetungan dan pemantapan kedudukan kewangan. IWK akan mengambil alih operasi dan penyelenggaraan loji rawatan kumbahan dan pengurusan sistem perkhidmatan pembetungan milik Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang bagi membolehkan usaha naik taraf infrastruktur pembetungan dijalankan bagi mengurangkan punca pencemaran sumber air. Tahun 2020 juga akan menyaksikan usaha-usaha penyambungan premis-premis persendirian (*property connection*) ke loji kumbahan awam dipergiatkan bagi memastikan akses kepada perkhidmatan pembetungan secara lebih meluas. Di samping itu, peraturan berkaitan *scheduled desludging* untuk tangki septik individu juga akan dikuatkuasakan pada tahun 2020.

Seperti tahun-tahun sebelumnya, tahun 2020 dijangka akan penuh dengan isu dan cabaran yang memerlukan komitmen tanpa berbelah bagi seluruh warga KATS. Kerajaan secara umumnya dan KATS secara khususnya akan terus memastikan pembangunan dilaksanakan secara mampan, keperluan kepada hak-hak asas tertunai, mengambil cakna terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan biodiversiti sejagat serta komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50 peratus kawasan liputan hutan. Penekanan kepada *communication, education, promotion and public awareness* (CEPA) akan dilaksanakan secara lebih tersusun dan agresif dan setiap pemegang taruh akan dijejaki dan didekati. Untuk itu, adalah amat penting setiap pihak dan setiap lapisan masyarakat termasuk pihak berkuasa negeri, sektor korporat, NGO dan *civil society* mengambil tanggungjawab masing-masing bagi menjamin pengekalan kekayaan sumber asli tanpa menafikan hak rakyat untuk hidup secara selesa dan sejahtera dan yang penting generasi akan datang akan dapat sama mengcap nikmat alam yang kita rasai sekarang ini jika tidak yang lebih baik.

**YB. DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR  
Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli**